

**Rasionalisasi jawatan tingkat produktiviti - Muhyiddin
Utusan Online
6 April 2011**

PUTRAJAYA 5 April - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, aspek jawatan di Kementerian Pelajaran perlu dirasionalisasikan dalam usaha mengurangkan lebih pegawai dan kakitangan.

Beliau yang juga Menteri Pelajaran berkata, ia boleh dilakukan melalui penjajaran semula fungsi bahagian yang tercicir, pengawalan pengisian jawatan kosong, pemansuhan jawatan dan pengagihan semula perjawatan agensi yang lebih kritikal.

Beliau berkata, ia sejajar dengan matlamat kerajaan yang mahu sektor awam masa ini mewujudkan jentera yang cekap, produktif, kreatif serta inovatif dengan mengutamakan pencapaian.

"Kementerian Pelajaran yang memiliki jumlah pegawai dan kakitangan yang paling ramai dalam sektor awam itu perlu memastikan jangan ada di kalangan mereka yang dikatakan tidak digunakan secara optimum.

"Dalam sesetengah sektor, kita memerlukan tenaga manusia yang lebih manakala sesetengah sektor itu ada pegawai atau kakitangan yang dilihat tidak digunakan sepenuhnya kemahiran mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Pelajaran di sini hari ini.

Turut hadir Timbalan Menteri Pelajaran, Dr. Mohd. Puad Zarkashi.

Pada majlis itu, beliau turut melancarkan tema Hari Guru 2011 iaitu 'Guru Penjana Transformasi Pendidikan Negara' dan sambutannya akan diadakan di Sarawak pada bulan depan.

Jumlah keseluruhan warga kementerian itu seramai kira-kira 540,000 dan 81.28 peratus daripada jumlah itu adalah warga guru.

Muhyiddin berharap usaha rasionalisasi itu akan dapat menonjolkan Kementerian Pelajaran sebagai kementerian contoh dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesanan tadbir urus.

"Dalam masa sama, ia dapat memperkukuhkan kecemerlangan institusi pendidikan, membangunkan komuniti guru dan kepimpinan, dan seterusnya dapat melahirkan pelajar yang cemerlang secara holistik," katanya.

© UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0406&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_01.htm